

14 SEP 2000

Sultan-Watikah

SULTAN TERENGGANU JALANKAN TUGAS TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Sultan Terengganu hari ini menandatangani watakah perisytiharan sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Perisytiharan itu bagi membolehkan baginda menjalankan tugas semasa Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah berada di luar negara.

Istiadat itu yang berlangsung di Istana Terengganu di sini dimulakan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membaca watakah perisytiharan berkenaan.

Baginda kemudian menandatangani watakah itu.

Perkara 33 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa Timbalan Yang di-Pertuan Agong akan menjalankan kerja atau fungsi Timbalan Yang di-Pertuan Agong sekiranya Yang di-Pertuan Agong gering atau tiada di dalam Persekutuan.

Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah kini berada di Sydney untuk lawatan kerja bermula semalam.

Seri Paduka berdua kemudian akan bercuti sehingga 11 Okt ini.

Turut hadir pada istiadat itu ialah Permaisuri Terengganu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali dan Menteri Besar Terengganu Abdul Hadi Awang turut hadir.

-- BERNAMA

RAZ AZZ AKD